

ORIGINAL ARTICLE



PERKEMBANGAN MOTIVASI MORAL MURID MELALUI AKTIVITI LAKONAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MORAL DI SEKOLAH MENENGAH

DEVELOPMENT OF MORAL MOTIVATION THROUGH ACTING ACTIVITIES IN TEACHING AND LEARNING OF MORAL EDUCATION IN SECONDARY SCHOOLS

Vasanthan Gurusamy ¹
Nadarajan Thambu ²

¹Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: vasanthangurusamy@gmail.com

²Senior Lecturer, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: nada@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Motivasi moral merupakan unsur yang menjadi penggerak kepada sesuatu tindakan moral. Seseorang yang mempunyai motivasi moral yang tinggi dapat (i) bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan yang diambil, (ii) komited terhadap prinsip-prinsip moral, (iii) mengutamakan nilai-nilai moral berbanding kehendak lain, (iv) menolak elemen yang memberikan keuntungan peribadi dan (v) berpendirian untuk bertindak berdasarkan unsur moral dan etika. Justeru, artikel ini membincangkan potensi aktiviti lakonan filem pendek sebagai kaedah pengajaran dalam meningkatkan motivasi moral dalam kalangan murid sekolah. Seramai 18 orang murid perempuan dan lelaki (tiga kumpulan berfokus) dari kelas Pendidikan Moral tingkatan empat digunakan untuk tujuan pengumpulan data Teknik pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih peserta kajian. Kajian kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan instrumen protokol pemerhatian, protokol temu bual dan panduan penulisan jurnal bertujuan untuk mengumpul data. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti lakonan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral mampu meningkatkan motivasi moral dalam kalangan peserta kajian.

KataKunci: Motivasi moral, Aktiviti lakonan, Pengajaran dan pembelajaran, Pendidikan Moral

Abstract

Moral motivation is an element that drives towards the moral act. A person with high moral motivation can (i) be responsible for the decisions and actions are taken, (ii) committed to moral principles, (iii) prioritise moral values, (iv) reject elements that provide personal gain and (v) to act on the basis of moral and ethical elements. Hence, this article discusses the potential of short films acting as a method of teaching in improving moral motivation among school children. A total of 18 males and females of Form Four students (three focus groups) were used as samples for data collection purposes. Purposive sampling technique was used to select the study participants. This qualitative study was carried out using observation protocol instruments, interview protocols and journal writing guides aimed at collecting data. Data analysis shows that acting activities in the teaching and learning of Moral Education were able to unleash moral motivation among the participants.

Keywords: Moral motivation, Acting activities, Teaching and learning, Moral education

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 05th May 2018, revised 30th May 2018, accepted 10th July 2018

Pengenalan

Pendidikan Moral merupakan satu program untuk membentuk murid menjadi insan bermoral dengan memberi keutamaan dalam aspek perkembangan pemikiran moral, emosi dan tingkah laku moral (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)¹. Perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga aspek ini dapat memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan melalui penghayatan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)¹.


Namun, kajian juga menunjukkan wujudnya masalah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di negara ini (Liau, & Teoh, 2003)². Pengajaran guru memberikan keutamaan dalam aspek kognitif, malah aspek emosi dan tindakan tidak diendahkan (Vishalache, 2009)³. Tambahan pula kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru juga mementingkan hafalan nilai-nilai murni dengan menggunakan buku teks dan huraian sukatan pelajaran (Abd. Shatar, 2009)⁴.

Dalam pada itu, kewujudan pelbagai masalah sosial seperti pecah rumah, membuli dan penularan budaya gengsterisme serta hedonisme yang melibatkan murid semakin meningkat di

negara kita (Zainul Arifin Md. Isa, 2012)⁵. Wujudnya masalah ini disebabkan murid kurang memberi tumpuan kepada nilai-nilai moral dan kurang motivasi untuk melaksanakan sesuatu tindakan moral. Rest (1984)⁶, menyatakan murid harus mempunyai motivasi moral untuk melaksanakan tindakan moral dengan memberi keutamaan kepada prinsip-prinsip moral serta mengetepikan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Menurut Craig dan Oja (2012)⁷, seseorang yang mempunyai motivasi moral akan (i) bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan yang diambil, (ii) komited terhadap prinsip-prinsip moral, (iii) mengutamakan nilai-nilai moral berbanding kehendak lain, (iv) menolak elemen yang memberikan keuntungan peribadi dan (v) berpendirian untuk bertindak berdasarkan unsur moral dan etika. Rushton dan Penticuff (2007)⁸ pula menegaskan bahawa unsur motivasi moral amat mustahak kepada seseorang dalam melaksanakan sesuatu tindakan mengikut pendirian diri sendiri dengan mengutamakan nilai-nilai moral. Justeru unsur motivasi moral harus diberi keutamaan dalam pengajaran Pendidikan Moral bagi melahirkan insan yang bermoral.

PROSEDUR KAJIAN

Teknik pembikinan filem pendek mempunyai tiga langkah utama iaitu membuat papan cerita, berlakon, menonton dan analisis filem pendek. Dalam aktiviti membuat papan cerita murid terlibat dalam aktiviti mengarang cerita, membentuk plot cerita, penulisan skrip lakonan dan melakar gambar. Murid akan membuat rakaman filem pendek di luar waktu kelas dengan melakonkan watak-watak yang terdapat dalam sesebuah cerita. Papan cerita akan digunakan sebagai rujukan untuk membuat penggambaran filem pendek. Murid akan merakam filem pendek dengan bantuan guru. Seterusnya tayangan filem dan analisis filem akan dilaksanakan sewaktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di bilik tayang. Rajah 1 menunjukkan proses pelaksanaan teknik pembikinan filem pendek.



Rajah 1. Pelaksanaan Teknik Pembikinan Filem Pendek

SOROTAN KAJIAN

Piaget (1962)⁹, berpendapat penggunaan kaedah dramatik melalui teknik lakonan dalam pembelajaran boleh membantu murid-murid meningkatkan tahap kognitif, afektif, tingkah laku moral dan kreativiti dari segi bakat lakonan. Menurut McCaslin (1996)¹⁰, penggunaan teknik lakonan dalam pengajaran dalam kelas memberikan inspirasi kepada imaginasi murid dalam membantu mereka meletakkan diri mereka dalam sesuatu situasi dan dapat memikirkan tindakan moral yang sesuai bagi menyelesaikan sesuatu konflik. Bolton (1979)¹¹, menjelaskan bahawa murid melalui aktiviti lakonan dapat menganggap diri sendiri sebagai watak dalam sesebuah cerita dan melaksanakan tindakan moral mengikut nilai-nilai moral. Ustundag, T. (1997)¹², pula berpendapat bahawa aktiviti lakonan dalam rakaman filem pendek merupakan satu bentuk komunikasi yang dapat menyatakan idea murid kepada penonton melalui pengalaman yang mereka peroleh sebelum ini. Beliau juga menjelaskan, melalui teknik lakonan murid-murid dapat mempelajari bagaimana mempengaruhi orang lain dan meletakkan diri mereka dalam situasi watak cereka yang dilakonkan. Oleh itu aktiviti lakonan dapat digunakan sebagai salah satu kaedah pengajaran Pendidikan Moral yang dapat membantu murid memahami situasi orang lain dan bertindak secara moral. Perkara ini juga dapat dikukuhkan oleh Vishalache (2007)¹³, bahawa pengajaran Pendidikan Moral perlu memberi keutamaan kepada aspek memahami situasi orang lain dan membuat keputusan moral yang sewajarnya serta melaksanakan tindakan moral tanpa mempengaruhi faktor-faktor lain.

Kaedah pengajaran yang menggunakan aktiviti lakonan dalam kelas dianggap sebagai salah satu cara yang paling berkesan dalam pembelajaran Pendidikan Moral (Colby, 1982, 1987; Winston, 1994, 1995, 1996; Edmiston, 1994, 1995, 1998a, 1998c)^{14,15,16,17,18,19,20,21,22}. Winston (1995)¹⁷ menjelaskan bahawa aktiviti lakonan dalam pengajaran Pendidikan Moral membolehkan mereka untuk menyatakan, meneroka, dan membangunkan pemahaman moral secara sepenuhnya. Beliau juga berpendapat melalui aktiviti lakonan murid dapat memahami konflik moral dalam pelbagai situasi dan melaksanakan tindakan moral dengan mengutamakan prinsip moral. Edmiston (2000)²³,pula menjelaskan aktiviti lakonan dalam kelas memberi peluang kepada murid untuk menggambarkan kesan yang akan berlaku kepada watak-watak cereka dan secara tidak langsung murid akan mempunyai sikap tanggungjawab dalam tindakan moral yang akan diambil. Justeru, aktiviti lakonan dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral bagi meningkatkan motivasi moral.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian tindakan (*action research*). Kemmis dan McTaggart (1988)²⁴, menggambarkan kajian tindakan dalam bentuk gelungan. Setiap gelungan mempunyai empat fasa, iaitu (a) merancang (*plan*), (b) bertindak (*action*), (c) memerhati (*observe*) dan (d) mengkaji semula (*reflect*). Model Zuber -Skerrit (1995)²⁵, telah digunakan dalam kajian ini kerana lingkaran kajian tindakan ini menuju naik ke atas menandakan

penambahbaikan yang berterusan dalam sesuatu latihan dan proses ini akan berlanjutan meningkatkan pengetahuan peribadi dan profesional. Reka bentuk kajian tindakan dipilih kerana reka bentuk ini merupakan prosedur sistematik yang digunakan oleh guru atau penyelidik dalam konteks sekolah untuk mengkaji dan memperbaiki amalan pengajaran di bilik darjah (Chow & Jaizah, 2001; Whitehead & McNiff, 2006 ; Nadarajan 2016)^{26,27,28}. Seramai 18 orang murid (tiga kumpulan berfokus) dari kelas Pendidikan Moral tingkatan empat telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Protokol pemerhatian di bilik darjah, protokol temu bual dan panduan penulisan jurnal digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data kualitatif. Kesahan kandungan instrumen telah dibuat bersama pakar dalam bidang Pendidikan Moral dan kajian tindakan.

TEKNIK MENGUTIP DATA

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif dengan menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan data (Bogdan & Biklen, 2007)²⁹. Kaedah utama yang digunakan oleh penyelidik ialah temu bual kumpulan berfokus. Semua sesi temu bual dirakam secara audio, ditranskripsikan melalui proses pengekodan dan dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian Nvivo 11. Semua transkripsi dan laporan verbatim diberikan semula kepada peserta bagi memeriksa pandangan yang diberikan semasa sesi temu bual dijalankan. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan dokumen (penulisan jurnal murid) dan data pemerhatian di dalam bilik darjah. Teknik triangulasi digunakan untuk mengesahkan data daripada ketiga-tiga sumber ini demi memperkukuh kesahan dapatan kajian (Nadarajan & Hasbi, 2017)³⁰.

ALISIS DATA

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis bertema (*thematic analysis*) berdasarkan langkah-langkah yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2006)³¹. Proses analisis melibatkan langkah-langkah seperti pengurusan data, transkripsi, penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan sub tema dilaksanakan oleh penyelidik dengan menggunakan perisian Nvivo (David & Peter, 2014)³². Data yang telah melalui proses pengekodan akan dipecahkan mengikut tema atau kategori. Kesemua data yang diperolehi disusun untuk menjawab soalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Gelung Pertama

Hasil temu bual Gelung 1 dalam aktiviti lakonan menjelaskan bahawa, peserta kajian mempunyai tanggungjawab terhadap tindakan moral akibat daripada perasaan kepunyaan

(*sense of belonging*) dalam sesuatu isu yang merupakan salah satu ciri dalam motivasi moral. Manakala peserta juga menolak elemen yang memberikan keuntungan peribadi dalam melaksanakan sesuatu tindakan moral. Beberapa sedutan temu bual membuktikan fenomena ini :

Penyelidik : Bagaimana penggunaan teknik pembikinan filem pendek memudahkan anda memahami nilai- nilai moral yang dipelajari di bilik darjah?

Peserta : Ada saya faham...semasa saya berlakon, Yathavan perlu ada perasaan tolong untuk kawan yang menjadi mangsa buli, sebab dia kawan baik dia, dia perlu bertanggungjawab jaga keselamatan dia.....semasa berlakon sebagai Yathavan saya ada beri nasihat kepada gengster itu supaya jangan buli Andy.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 1\\SMK Barat\\25-8-16]

Penyelidik: Adakah watak menunjukkan tanggungjawab terhadap tindakan moral yang dilaksanakan?

Peserta : Ya, masa berlakon dalam filem itu, Ratna melaporkan kejadian pengawas membuang sampah di kawasan surau, dalam sesi lakonan Ratna melaporkan kepada guru dengan membawa Sumathi sebagai bukti. Ratna juga menyatakan kawan dia sebagai saksi kejadian itu kepada guru disiplin. Ratna ada tanggungjawab membuat laporan yang benar supaya guru dia boleh percaya dia.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 1\\SMK Barat\\25-8-16]

Penyelidik : Adakah teknik pembikinan filem pendek membantu anda mengambil tindakan moral dengan menolak sebarang nilai yang berkaitan dengan kepentingan diri sendiri?

Peserta: Ada...semasa saya berlakon sebagai ayah, saya faham cerita itu, bapa jiran tak mahu anak dia pergi sekolah kerana miskin...lepas itu ayah Saw Xing Ying itu membantunya bagi duit supaya hantar anak dia pergi sekolah, dia mahu tolong jiran, itu duit mungkin dia pergi siar makan angin dengan keluarga....tapi guna untuk pendidikan anak jiran itu.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 1\\SMK Layang \\17-8-16]

Dalam pada itu catatan jurnal peserta kajian dalam Gelung 1, juga membuktikan peserta menunjukkan motivasi moral ketika terlibat dalam aktiviti lakonan filem pendek. Antaranya peserta dapat menjelmakan diri mereka sebagai watak dalam cereka dan melaksanakan tindakan moral secara komited mengikut prinsip-prinsip moral, berpendirian untuk bertindak berdasarkan unsur moral dan etika serta mengutamakan nilai-nilai moral berbanding kehendak lain. Kesemua ciri-ciri ini membuktikan kewujudan motivasi moral kepada murid ketika terlibat dalam aktiviti lakonan.

Saya dapat melakukan tindakan moral seperti murid itu lapor kejadian pengawas membuang sampah di kawasan surau walaupun dia telah dimarahi oleh pengawas dengan mengatakan “jangan sibuk dan buat kerja anda sendiri”. Sumitha dalam sesi lakonan tetap menasihati pengawas itu dan lapor kepada guru untuk menjaga kebersihan sekolah.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 1\\SMK Barat\\18-8]

Dalam aktiviti lakonan, saya dapat faham tindakan moral mementingkan prinsip moral, Viknesh meminta rakan-rakan untuk menyertai Program Lestari kerana sebagai murid mesti ikut peraturan sekolah, kawan dia menghalang dia untuk menyertai program itu dan mengajak dia pergi ke Cyber Café, Viknesh lepas itu memujuk balik rakan-rakannya menyertai Program Lestari kerana program itu penting dan dapat memberikan banyak kebaikan.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 1\\SMK Dato\\17-8]

Aktiviti lakonan membantu saya faham tindakan moral semasa pengawas membuang sampah, watak Sumitra sebagai murid sekolah telah melaporkan perbuatan pengawas yang membuang sampah di kawasan surau. Sumithra mematuhi peraturan sekolah sebagai warga sekolah kita tidak boleh buang sampah.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 1\\SMK Barat\\18-8]

Seterusnya, pemerhatian Gelung 1, pula mengesahkan bahawa peserta mempunyai motivasi moral untuk melaksanakan tindakan moral dengan memberi keutamaan kepada nilai-nilai moral berbanding kehendak lain. Aspek ini merupakan salah satu ciri dalam motivasi moral. Berikut merupakan catatan pemerhatian oleh salah seorang pemerhati

Dalam aktiviti lakonan juga menunjukkan murid memahami secara rasional tindakan yang dilaksanakan atas sikap belas kasihan dan menolak kehendak lain dalam isu buli dengan perkataan kesat. Antara tindakan yang dinyatakan oleh pemerhati menerusi aktiviti lakonan oleh murid ialah Kogilavanoan (watak cereka) agak simpati dengan keadaan Andy yang menjadi mangsa buli dan dia membantu Andy (watak cereka) melaporkan perkara itu kepada guru disiplin walaupun Mohan (watak pembuli) merupakan sahabat baik dia.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 1\\SMK Barat\\Rhizn\\22-8]

Gelung Kedua

Seterusnya, hasil temu bual Gelung 2, membuktikan peserta menunjukkan motivasi moral ketika terlibat dalam aktiviti lakonan. Antaranya peserta dapat menganggap dirinya sebagai watak dalam cereka dan melaksanakan tindakan moral dengan mengutamakan nilai-nilai moral berbanding kehendak lain, komited terhadap prinsip-prinsip moral dan menolak elemen yang

memberikan keuntungan peribadi. Kesemua ciri-ciri ini membuktikan kewujudan motivasi moral terhadap murid ketika terlibat dalam aktiviti lakonan.

Penyelidik : Adakah teknik pembikinan filem pendek membantu anda mengambil tindakan moral dengan menolak sebarang nilai yang berkaitan dengan kepentingan diri sendiri?

Peserta : Aktiviti lakonan membantu saya mengambil tindakan moral. Saya dapat menganggap diri saya sebagai Pengerusi PIBG yang harus menyesal kesalahan dia walaupun dia orang penting sekolah itu , dia perlu meminta maaf kepada semua orang dan mengalihkan kereta...memberi laluan kepada OKU untuk letak kenderaan di situ. Ia mungkin senang kepada OKU untuk masuk ke sekolah.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 2\\SMK Dato \\26-9]

Penyelidik: Adakah teknik pembikinan filem pendek dapat membantu anda dalam melaksanakan sesuatu tindakan dengan bersungguh-sungguh?

Peserta: Ada...semasa berlakon sebagai watak Tou Yoe Jia yang bertemu ramah Chong Wei Seng, dia boleh biarkan Chong Wei Seng begitu sahaja ,dia tidak beri kerjasama dan dia boleh menemuramah orang lain, tetapi dia tetap cari guru kaunseling supaya dia dapat membimbing kawannya memahami maksud prinsip rukun negara. Hui Ling berusaha membantu Chong Wei Seng supaya memahami maksud rukun negara.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 2\\SMK Dato \\25-9]

Penyelidik : Aktiviti mana membantu anda membuat tindakan moral dengan mengutamakan nilai moral berbanding kehendak lain?

Peserta: Ada semasa saya berlakon dalam filem itu, saya dapat faham tindakan moral yang dibuat oleh Nagamani, semasa Sumitra tanya kepada Nagamani siapa yang memuat naik video dia dalam *Facebook*, Nagamani pun memberitahu siapa sebenarnya membuat perkara ini... Tan Hui Ling menghalang Nagamani supaya jangan beritahu perkara ini nanti berlaku pergaduhan, tetapi Nagamani beritahu juga kerana nanti kalau tak beritahu mungkin hubungan antara kawan terjejas. Nagamani berkelakuan jujur.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 2\\SMK Barat\\29-9]

Dalam pada itu catatan jurnal peserta kajian dalam Gelung 2, juga membuktikan wujudnya elemen motivasi moral setelah murid terlibat dalam aktiviti lakonan dalam pengajaran Pendidikan Moral. Antaranya berpendirian untuk bertindak berdasarkan unsur moral dan etika serta komited terhadap prinsip-prinsip moral. Aspek-aspek ini merupakan ciri-ciri utama dalam unsur motivasi moral.

Aktiviti lakonan membantu saya dalam membuat keputusan moral dalam konflik, saya dapat anggap diri saya sebagai anak dalam filem itu yang berani menasihati orang lain supaya tidak menggunakan tempat parking OKU kerana ikut peraturan sekolah tempat itu dikhaskan untuk OKU. Kita sebagai murid sekolah mesti kena ikut peraturan tersebut.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 2\\SMK Dato\\27-9]

Dalam aktiviti lakonan, saya memegang watak Mathivani yang tak takut ugutan remaja itu, dia mematuhi nilai semangat cinta akan negara sebab itu dia bertindak lapor kepada polis mengenai perbuatan remaja yang rosakkan bendera Malaysia, dia bertanggungjawab menjaga bendera Malaysia, dan berani bertindak dalam cerita yang kita hasilkan

[Internals\\Jurnal\\Gelung 2\\SMK Dato\\27-9]

Seterusnya, pemerhatian dalam Gelung 2 pula mengesahkan bahawa peserta mempunyai motivasi moral ketika terlibat dalam aktiviti lakonan semasa penggambaran dilaksanakan. Peserta dapat menjelmakan dirinya mengikut watak dan melaksanakan tindakan dengan menolak elemen yang memberikan keuntungan peribadi, bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan yang diambil serta komited terhadap prinsip-prinsip moral. Kesemua ciri-ciri ini membuktikan kewujudan motivasi moral terhadap murid ketika terlibat dalam aktiviti lakonan. Beberapa sedutan pemerhati membuktikan fenomena ini.

Dalam aktiviti lakonan, murid telah memberi keutamaan kepada akauntabiliti terhadap tindakan moral. Mathivani (watak cereka) misalnya membuat laporan polis mengenai perbuatan merosakkan bendera Malaysia dengan tata cara yang betul supaya polis tidak mempunyai keraguan mengenai laporan yang diterima.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 2\\SMK Dato \\Letch\\25-9]

Catatan pemerhatian gelung kedua aktiviti lakonan juga menunjukkan murid menerapkan unsur minat dan kesungguhan dalam melaksanakan tindakan moral dengan mematuhi prinsip moral seperti melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan negara dalam isu halangan menyertai program membantu mangsa banjir. Antara tindakan moral yang dicatat oleh pemerhati ialah Wong Yean Lee (watak cereka) misalnya menunjukkan minat dan berusaha untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan negara. Dia (Wong Yean Lee) telah mendapatkan keizinan daripada ibu bapa untuk menyertai program membantu mangsa banjir walaupun pada mulanya ayah tidak membenarkan dia menyertai program tersebut.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 2\\SMK Layang\\Kas\\26-9]

Selain itu catatan pemerhatian gelung kedua aktiviti lakonan juga memperlihatkan kefahaman murid dalam memberi keutamaan kepada faedah pelaksanaan tindakan moral kepada orang lain dan menyingkirkan aspek kepentingan diri sendiri menerusi isu halangan menyertai program membantu mangsa banjir. Pemerhati mencatatkan murid telah menganggap dirinya sebagai watak mengikut cerita. Wong Yen Lee (watak cereka)

misalnya membantu mangsa banjir yang berada dalam keadaan kebuluran dengan menolak keselamatan dirinya ketika berada di kawasan banjir. Wong Yen Lee bertindak untuk membantu orang lain dan mangsa banjir mendapat faedah melalui tindakan moral ini.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 2\\SMK Layang \\Kas\\26-9]

Gelung Ketiga

Dalam pada itu hasil temu bual gelung 3 juga membuktikan peserta mempunyai motivasi moral dalam melaksanakan tindakan moral ketika terlibat dalam aktiviti lakonan. Antaranya peserta dapat menjelmakan diri mereka mengikut watak dalam cereka dan melaksanakan tindakan moral secara komited terhadap prinsip-prinsip moral, bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan yang diambil serta berpendirian untuk bertindak berdasarkan unsur moral dan etika. Kesemua ciri ini membuktikan kewujudan motivasi moral terhadap murid ketika terlibat dalam aktiviti lakonan

Penyelidik: Adakah tindakan moral diambil sebagai satu cabaran untuk mematuhi prinsip moral? Dalam aktiviti mana anda dapat fahaman ini?

Peserta : Dalam aktiviti lakonan saya dapat melakonkan tindakan moral untuk menyelesaikan masalah ini, pengawas diberi tugas untuk melaksanakan tugas dengan baik dan mematuhi peraturan sekolah...so sebagai seorang pengawas...dia melaporkan murid yang hisap rokok kepada guru, dia tak takut kepada murid tingkatan 5 walaupun mereka ugut dia dan dia mesti lapor kepada guru.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 3\\SMK \\24-10]

Penyelidik : Kenapa anda rasakan tindakan itu merupakan tindakan moral?

Peserta : Ahh...masa saya berlakon watak itu ...Saya ada faham Pong Shee Ling begitu sayang dekat kawan dia, dia tak nak kawan dia terlibat dalam masalah lebih besar, so dia lapor kepada pengetua supaya cepat selesaikan masalah itu iaitu memuat naik perkara sensitiviti kaum dalam jaringan sosial.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 3\\SMK Layang \\6-10]

Penyelidik: Adakah aktiviti tadi membantu kamu dalam memahami watak yang mempunyai pendirian dalam mematuhi sesuatu etika?

Peserta : Semasa berlakon sebagai watak Tee Zhi Shen yang menjalankan tanggungjawab laporkan perkara vandalisme kepada guru disiplin ..kalau dia murid sekolah kalau dia lihat ada vandalisme mesti kena beritahu kepada guru dan kita tak boleh rosakkan barang- barang sekolah kerana boleh gunakan masa akan datang .

[Internals\\Temu bual \\Gelung 3\\SMK Dato \\ 24-10]

Catatan jurnal peserta kajian dalam gelung 3 juga menunjukkan wujudnya motivasi moral kepada murid ketika terlibat dalam aktiviti lakonan. Peserta dapat menganggap dirinya mengikut watak cereka dan melaksanakan tindakan moral dengan menolak elemen yang memberikan keuntungan peribadi dan mengutamakan nilai-nilai moral berbanding kehendak lain. Kedua-dua ciri ini dapat mengukuhkan kewujudan motivasi moral terhadap peserta kajian.

Dalam aktiviti lakonan, saya dapat melaksanakan tindakan moral yang mementingkan prinsip moral, Viknesh meminta rakan-rakan untuk menyertai program Lestari kerana sebagai murid mesti ikut peraturan sekolah, kawan dia menghalang dia untuk menyertai program itu dan mengajak dia pergi ke *Cyber Café*, Viknesh lepas itu memujuk balik rakan-rakannya menyertai Program Lestari kerana program itu penting dan dapat memberikan banyak kebaikan.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 3\\SMK Dato\\17-8]

Semasa berlakon dalam sesi penggambaran saya memahami masalah Andy yang hilang duit. Andy tak dapat balik rumah kerana tak ada duit, Yaathavan bantu dia ,memberikan duit yang emak bagi untuk beli ubat untuk adik yang demam, Yaathavan membantu orang yang ada dalam kesusahan dan dia nak Andy balik rumah dengan selamat.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 3\\SMK Barat\\13-11]

Seterusnya, pemerhatian dalam Gelung 3 pula mengesahkan bahawa aktiviti lakonan membantu meningkatkan motivasi moral murid apabila mereka mengangap dirinya sebagai watak dalam cereka semasa melaksanakan tindakan dengan menolak elemen yang memberikan keuntungan peribadi, komited terhadap prinsip-prinsip moral dan berpendirian untuk bertindak berdasarkan unsur moral dan etika. Kesemua ciri-ciri ini membuktikan kewujudan motivasi moral terhadap murid ketika terlibat dalam aktiviti lakonan.

Dalam aktiviti lakonan, murid memberi keutamaan kepada faedah pelaksanaan tindakan moral kepada orang lain dan menyingkirkan aspek kepentingan diri sendiri dalam isu sikap toleransi antara jiran. Pakcik (watak cereka) misalnya meminta maaf kepada anak jiran dan memperlahankan suara radio. Watak Pakcik menolak kepentingan diri sendiri malah memberi keutamaan kepada anak jiran untuk mengulang kaji pelajaran. Tindakan Pakcik memberikan faedah kepada anak jiran.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 3\\SMK Layang \\Kas\\7-11]

Murid memberi keutamaan kepada kedudukan dan status sosial sebelum mengambil sesuatu tindakan moral yang memberi manfaat kepada orang lain. Dalam isu memuat naik perkara tentang sensitiviti kaum dalam media sosial, murid telah mentafsirkan tindakan moral yang wajar semasa melakonkan watak cereka dalam filem pendek berkenaan. Pengetua (watak cereka) misalnya memberikan kerjasama kepada pegawai polis yang hadir ke sekolah untuk membuat penyiasatan kes memuat naik perkara tentang

sensitiviti kaum. Pengetua menggunakan status sosialnya untuk membantu pihak polis dan menjaga nama baik sekolah.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 3\\SMK Layang \\Kas\\7-11]

Manakala catatan pemerhatian gelung ketiga aktiviti lakonan juga membuktikan murid memahami tindakan moral yang diambil serta cabaran dalam mematuhi prinsip moral seperti saling membantu dalam isu membantu orang yang berada dalam bahaya. Menurut pemerhati murid telah menerapkan unsur pelaksanaan tindakan moral dan cabaran dalam mematuhi prinsip moral semasa melakonkan babak-babak dalam filem pendek, misalnya Satish (watak cereka) misalnya komited berpegang kepada prinsip moral membantu seseorang yang berada dalam kesusahan dengan menyelamatkan Andy daripada murid gengster yang membuli dia walaupun mereka sangat berbahaya. Dalam konteks ini, Satish (watak cereka) sanggup menghadapi cabaran untuk berhadapan dengan murid gengster. Ini menunjukkan dia mempunyai motivasi untuk mematuhi prinsip moral dalam apa jua keadaan.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 3\\SMK Barat\\Rhizn\\7-11]

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan aktiviti lakonan dalam pengajaran Pendidikan Moral telah meningkatkan motivasi moral murid. Penglibatan murid dalam sesi lakonan membantu mereka dalam memahami tanggungjawab mereka dalam keputusan dan tindakan yang diambil mengikut sesuatu konflik. Aspek ini juga merupakan salah satu ciri dalam motivasi moral yang membawa pelaksanaan sesuatu tindakan moral. Misalnya peserta memahami perasaan kepunyaan terhadap kawannya dengan memberi nasihat kepadanya ketika menjadi mangsa buli manakala peserta juga bertindak dengan penuh akauntabiliti ketika melaporkan kejadian merosakkan bendera Malaysia oleh remaja luar kepada pegawai polis. Selain itu, peserta juga mempunyai perasaan kepunyaan kepada sahabat baiknya dengan melaporkan kepada guru salah laku kawannya agar kawannya tidak terlibat dalam kesalahan jenayah. Peserta juga mempunyai perasaan tanggungjawab terhadap tindakan moral semasa melaporkan perbuatan seorang pengawas membuang sampah di tempat ibadat dengan membawa rakannya sebagai saksi kejadian. Dapatan kajian ini sehaluan dengan pandangan Bergman (2002)³³, bahawa seseorang akan memperoleh motivasi moral ketika melaksanakan tindakan moral apabila dia bertanggungjawab terhadap diri sendiri terhadap keputusan dan tindakan yang akan dilaksanakan. Amalan ini akan mendesak seseorang melaksanakan tindakan moral dengan sempurna dan dapat memberikan justifikasi yang relevan bagi tindakan moral yang telah diambil.

Begitu juga aktiviti lakonan dalam sesi penggambaran filem pendek juga membantu peserta komited terhadap prinsip-prinsip moral. Aspek ini juga merupakan salah satu ciri dalam

unsur moral yang membantu seseorang melaksanakan tindakan moral dengan jayanya. Antara komitmen yang ditonjolkan oleh peserta kajian adalah patuh kepada peraturan sekolah dengan melaporkan kepada guru disiplin mengenai perbuatan seorang pengawas yang membuang sampah di tempat ibadat, komited terhadap prinsip moral membantu kawannya memahami maksud rukun negara dengan melaporkan perbuatan kawannya kepada guru kaunseling, Komited menjaga imej negara dengan melaporkan perbuatan remaja yang rosakkan bendera Malaysia kepada pegawai polis walaupun diugut oleh remaja berkenaan, Komited menyertai program membantu mangsa banjir dengan meminta izin daripada ayahnya walaupun pada mulanya tidak diberi kebenaran untuk menyertai program tersebut, Komited mematuhi peraturan sekolah dengan melaporkan perbuatan murid yang menghisap rokok walaupun mereka merupakan murid yang lebih tua daripadanya, komited berpegang kepada prinsip moral membantu seseorang yang berada dalam kesusahan dengan menyelamatkan kawannya yang menjadi mangsa buli. Justeru aktiviti membuat papan cerita dapat membantu murid komited terhadap prinsip-prinsip moral. Dapatan ini disokong oleh Hardy & Carlo (2005)³⁴, bahawa seseorang yang mempunyai motivasi moral yang tinggi dapat melaksanakan tindakan moral dengan penuh minat dan bersungguh-sungguh sampul berpegang kepada prinsip moral.

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan peserta mengutamakan nilai-nilai moral berbanding kehendak lain ketika terlibat dalam aktiviti lakonan. Aspek ini dapat menjelaskan kewujudan motivasi moral kepada seseorang ketika melaksanakan sesuatu tindakan. Antaranya ialah melaporkan kejadian buli kepada guru disiplin walaupun pembuli itu merupakan sahabat baiknya. Selain itu peserta juga menolak pelawaan kawannya ke Cyber café daripada mengikuti program lestari sekolahnya. Selain itu peserta juga mengutamakan hubungan persahabatan dengan memberitahu kejadian sebenar yang berlaku kepada kawannya yang menjadi mangsa perbuatan memuat naik video vandalisme dalam media sosial agar tidak berlaku pergaduhan besar antara mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan peserta mengutamakan tindakan moral dengan menolak kehendak lain. Blasi (1983)³⁵, juga berpendapat bahawa motivasi moral akan menyebabkan seseorang untuk berfikiran rasional dan mengutamakan nilai-nilai moral berbanding kehendak lain ketika mengambil keputusan atau melaksanakan tindakan moral dalam sesuatu konflik.

Peserta kajian juga menolak elemen yang memberikan keuntungan peribadi yang merupakan salah satu ciri dalam motivasi moral untuk melaksanakan tindakan moral. Amalan ini agak ketara terhadap peserta kajian ketika terlibat dalam sesi lakonan. Misalnya YDP PIBG mengetepikan status dirinya dan meminta maaf kepada murid OKU dan mengalihkan kenderaan daripada parkir OKU. Manakala dalam isu toleransi antara jiran pula Pakcik menolak kepentingan diri sendiri dalam meraikan sambutan hari jadi dengan memberi keutamaan kepada anak jiran yang sedang mengulang kaji pelajaran pada ketika itu. Peserta juga dapat memberi keutamaan kepada pelajaran anak jiran dengan memberi bantuan kewangan kepada mereka walaupun duit itu mungkin digunakan untuk tujuan diri sendiri. Selain itu peserta mengambil keputusan untuk membantu mangsa banjir dengan tidak menghiraukan keselamatan dirinya ketika berada di kawasan banjir. Tambahan pula peserta juga memberikan keutamaan kepada

sikap membantu orang yang berada dalam kecemasan ketika melakonkan watak cereka berkenaan iaitu memberi tambang balik ke rumah kepada murid yang kehilangan duit walaupun duit itu merupakan duit untuk membeli ubat kepada adiknya. Dapatan kajian ini menunjukkan peserta dapat memberi keutamaan kepada nilai-nilai moral dengan menolak aspek kepentingan diri sendiri. Dapatan ini disokong oleh John Wilson (1973)³⁶, yang menyatakan bahawa seseorang insan yang bermoral akan mempunyai motivasi yang tinggi dalam melaksanakan tindakan moral dengan menolak aspek kepentingan diri sendiri.

Manakala aktiviti lakonan dalam sesi penggambaran filem pendek juga membantu peserta berpendirian untuk bertindak melaksanakan tindakan moral berdasarkan unsur moral dan etika. Aspek ini juga merupakan salah satu ciri dalam motivasi moral yang memberikan suntikan semangat untuk melaksanakan tindakan moral. Antaranya bertindak menasihati ibunya mengalihkan kenderaan dari parkir OKU dengan berpegang kepada etika sebagai seorang murid sekolah. Seterusnya Pengetua sekolah yang menggunakan status sosialnya membenarkan pegawai polis membuat siasatan kes memuat naik perkara tentang sensitiviti kaum bagi menjaga nama sekolahnya. Manakala murid sekolah yang mematuhi peraturan sekolah, iaitu sebagai warga sekolah kita tidak boleh buang sampah di merata tempat dan perlu melaporkan kepada guru jika ternampak sesiapa yang melanggar peraturan ini. Selain itu peserta juga mengambil tindakan moral melaporkan kejadian vandalisme kepada guru disiplin dengan berpegang kepada etika sebagai seorang murid sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan aktiviti membuat papan cerita membantu peserta menunjukkan pendirian mereka untuk bertindak berdasarkan unsur moral dan etika. Bratton (2016)³⁷, menjelaskan bahawa motivasi moral wujud kepada seseorang apabila individu itu mematuhi sesuatu prinsip atau etika dan menggunakan kedudukan atau status sosial untuk memastikan tindakan yang akan dilaksanakan itu memberikan manfaat kepada orang lain.

KESIMPULAN

Motivasi moral merupakan elemen utama dalam melaksanakan sesuatu tindakan moral dengan sempurna. Ini adalah kerana motivasi moral akan memberikan satu suntikan semangat untuk menolak sebarang halangan ketika melaksanakan tindakan moral secara konsisten daripada hasil keputusan moral yang dibuat dalam sesuatu konflik (Heinrichs & Oser, (2013)³⁸. Bagi memperkasakan amalan nilai-nilai murni terhadap murid-murid sekolah motivasi moral merupakan elemen yang utama yang dapat membantu murid melaksanakan tindakan moral ketika menghadapi sesuatu konflik. Jelaslah teknik pengajaran interaktif seperti aktiviti lakonan dalam pengajaran Pendidikan Moral membantu murid meningkatkan motivasi moral dan menguasai kemahiran insaniah yang diaspirasikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

RUJUKAN

1. Ministry of Education Malaysia. (2000). *Moral Subject KBSM Syllabus – Correction (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM - Semakan)*. Putrajaya: Curriculum Development Division.
2. Liao, A. K., Liao, A. W. L., Teoh, G. B. S., & Liao, M. T. L. (2003). The case for emotional literacy: The influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education*, 32(1), 51-66.
3. Vishalache Balakrishnan. (2009). Teaching moral education in secondary schools using real-life dilemmas. *i-manager's Journal on Education Psychology*, 2(3), 14-20.
4. Abdul Shatar Che Abdul Rahman. (2009). *Content and Pedagogy Knowledge of Form Four Moral Language Teacher in School (Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan empat di sebuah sekolah)*. (Unpublished Doctoral Thesis). University Malaya, Kuala Lumpur.
5. Zainul Arifin Md. Isa. (2012, June 13). Grads without soft skills victims of system. *New Straits Times*, p. 19.
6. Rest, J. (1984). The major components of morality. In W. Kurtines & J. Gewirtz (Eds.), *Morality, moral development and moral behaviour* (pp. 24-38). New York: Wiley.
7. Craig, P. J., & Oja, S. N. (2013). Moral judgement changes among undergraduates in a capstone internship experience. *Journal of Moral Education*, 42(1), 43-70.
8. Rushton, C. H., & Penticuff, J. H. (2007). In critical care dilemmas in critical care nursing. *AACN Advanced Critical Care*, 18(3), 323–328.
9. Piaget, J. (1962). *The language and thought of the child*. London: Routledge & Kegan Paul.
10. McCaslin, M. (2006). Student motivational dynamics in the era of school reform. *Elementary School Journal*, 106, 479-490.
11. Bolton, G. (1979). *Towards a theory of drama in education*. London: Longman.
12. Ustundag, T. (1997). The advantages of using drama as a method of education in elementary schools. *Hacettepe University Journal of Education*, 13, 89-94.
13. Balakrishnan, V. (2007). Effect of using Real Life Dilemma in Teaching Learning of Moral Subject (Kesan Menggunakan Dilema Kehidupan Sebenar Dalam Pengajaran-pembelajaran Pendidikan Moral). *Education Problem*, 30(1), 101–112.
14. Colby, R. (1982). Drama as a moral imperative. *2D Dance and Drama*, 2(1), 11–26.
15. Colby, R. (1987). Moral education through drama, *2D Dance and Drama*, 7(1), 72–80.
16. Winston, J. (1994) Revising the fairy tale through magic: Antonia Barber's 'The enchanter's daughter', *Children's Literature in Education*, 25(2), 101–111.
17. Winston, J. (1995). 'Careful the tale you tell': Fairy tales, drama and moral education. *Children and Society*, 9(4), 8–93.
18. Winston, J. (1996). Emotion, reason and moral engagement in drama. *Research in Drama Education*, 1(2), 189–200.
19. Edmiston, B. (1994). More than talk: A Bakhtinian perspective on drama in education and change in understanding. *NADIE Journal*, 18, 25–36.

20. Edmiston, B. (1995). *Discovering right actions: Forging ethical understandings through dialogic interactions*. Brisbane: NADIE Publications.
21. Edmiston, B. (1998a). *Ethical imagination: Choosing an ethical self in drama*. Portsmouth, NH: Heinemann.
22. Edmiston, B. (1998c). *Reaching out: ethical spaces and drama*. Birmingham: National Association for the Teaching of Drama.
23. Edmiston, B. (2000). Drama as ethical education: Research in drama education: *The Journal of Applied Theatre and Performance*, 5(1), 63–84.
24. Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
25. Zuber-Skerrit, O. (1995). Models for action research. In S. Pinchen & R. Passfield. (Eds.) *Moving On: Creative applications of action learning and action research*. (pp. 3 - 29). Queensland, Australia: Action Research, Action Learning and Process Management.
26. Chow, F. M., & Jaizah Mahamud. (2011). Action research: Concepts & Practices in Education (*Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pendidikan*). Puchong: Multimedia Publication.
27. Whitehead, J., & McNiff, J. (2006). *Action research living theory*. London, UK: Sage.
28. Nadarajan Thambu, & Ganesan Shanmugavelu. (2016). Development of Moral Thinking Values through Theatre Forum: A Research Action in Moral Class (Unsur ‘niat moral’ dalam teater forum: Satu kajian tindakan di kelas Pendidikan Moral). *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*, 5, 1-14.
29. Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. New York: Pearson
30. Nadarajan Thambu, & Muhammad Hasbi Abdul Rahman. (2017). Forum Theatre as a behavior change strategy: Qualitative findings from Moral Education class. *SEARCH: The Journal of the South East Asia Research Centre for Communications and Humanities*, 9(1), 25-46.
31. Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research psychology*, 3, 77-101.
32. David Wilkinson and Peter Birmingham. (2014). *Using research instruments: A guide for researchers*. London : Taylor & Francis Group.
33. Bergman, R. (2002). *Why be moral*. A Conceptual Model from Developmental Psychology. *Human Development*, 45 (2), 104–124.
34. Hardy, S. A., & Carlo, G. (2005). Identity as a source of moral motivation. *Human Development*, 48(4), 232–256.
35. Blasi, A. (1983). Moral cognition and moral action: A theoretical perspective. *Developmental Review*, 3, 178–210.
36. Wilson, John. (1973). *A teacher’s guide to moral education*. London: Geoffrey Chapman.
37. Bratton, V. (2016). Affective morality. Unpublished Thesis ,The Florida State University College Of Business Affective.
38. Heinrichs, K., & Oser, F. (2013). *Handbook of Moral Motivation*. Rotterdam: Sense Publisher.

Citation in Malay

Vasanthan Gurusamy & Nadarajan Thambu. (2018). Perkembangan motivasi moral murid melalui aktiviti lakonan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(4), 234-250.

Citation in English

Vasanthan Gurusamy & Nadarajan Thambu. (2018). Development of moral motivation through acting activities in teaching and learning of moral education in secondary schools. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(4), 234-250.